

# Tafsiran untuk urus zon maritim, udara

BH. 5/7/2017, ms. 22



Mohamed Apandi Ali

→ Permohonan Malaysia semak keputusan penghakiman berdasarkan Artikel 60 Statut JCJ

Keratan akhbar  
BH, Isnin lalu

**Oleh Ahmad Johari Mohd Ali**  
ajohari@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

**M**alaysia berpandangan, tafsiran penghakiman oleh Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) dalam kes kedaulatan ke atas Pulau Batu Puteh pada 2008, adalah perlu bagi menjadi asas kekal hubungan baik kedua-dua negara dalam pengurusan zon maritim dan ruang udara pada masa depan.

Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali, berkata oleh kerana jumlah lalu lintas udara dan trafik maritim yang tinggi di kawasan berkenaan, adalah penting dan ada keperluan mendesak untuk mencapai penyelesaian dalam pertikaian itu.

"Permohonan bagi interpretasi dimohon Malaysia adalah mengikut Artikel 60 Statut ICJ yang menyebut, jika ada pertelingkahan berhubung maksud atau skop penghakiman ICJ, mahkamah itu akan mentafsirkannya jika men-

dapat permohonan daripada mana-mana pihak," katanya dalam kenyataan semalam.

Mohamed Apandi berkata, permohonan Malaysia bagi mendapatkan interpretasi penghakiman ICJ dalam kes kedaulatan ke atas Pulau Batu Puteh, Middle Rocks (Batuau Tengah) dan South Ledge (Tubir Selatan), adalah berasingan dan berautonomi daripada permohonan semakan yang dikemukakan sebelum ini.

## Tubuh jawatankuasa teknikal

Katanya, berikutan penghakiman ICJ pada 2008, Malaysia dan Singapura menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Bersama Malaysia-Singapura (MSJTC) bagi melaksanakan keputusan mahkamah ke atas Pulau Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan, yang antara lainnya bagi memudahkan kerjasama dua pihak untuk melaksanakan penghakiman itu.

Antara tugas dijangka ditangani jawatankuasa itu adalah menyelesaikan isu berhubung batas sempadan maritim antara perairan ke-

dua-dua negara, tetapi kedua-dua pihak gagal mencapai persetujuan berhubung Tubir Selatan dan perairan sekeliling Pulau Batu Puteh.

"Sepanjang tempoh selepas penghakiman itu, kedua-dua negara mengemukakan banyak bantahan rasmi berhubung insiden didakwa berlaku di Tubir Selatan dan sekitar serta sekeliling perairan Pulau Batu Puteh dan ruang udara di perairan itu," katanya.

Mohamed Apandi berkata, Malaysia mengemukakan permohonan supaya ICJ mentafsirkan maksud dan skop terhadap dua perkara dalam penghakiman iaitu dapatkan mahkamah 'kedaulatan Pulau Batu Puteh adalah milik Singapura' dan dapatkan mahkamah bahawa 'Tubir Selatan menjadi hak kepada negara perairannya berada'.

Beliau berkata, Malaysia memohon ICJ memutus dan mengisyaratkan perairan di sekeliling Pulau Batu Puteh kekal dalam perairan dikuasai Malaysia dan Tubir Selatan berada dalam perairan di kuasai Malaysia, sekali gus ada hak kedaulatan ke atasnya.